



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

PAKAIAN YANG BERCIRIKAN PENCEGAHAN RAGUT

Sunaida Binti Mustapa Kamal

TT
507
S957
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Senireka)
2006



Sunaida Binti Mustapa Kamal

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Teknologi Senireka (Tekstil dan Fesyen)


Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2006

Projek bertajuk 'Pakaian yang bercirikan pencegahan ragut' telah disediakan oleh **Sunaida Binti Mustapa Kamal** dan telah disediakan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Senireka).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Cik Norhayati Binti Suleiman)

Tarikh: 7/8/08.

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PAKAIAN YANG BERCIRIKAN PENCEGAHAN RAGUT.

SESI PENGAJIAN : 2003/2006

Saya SUNANDA BINTI MUSTAPA KAMAL.

Mengaku membenarkan tesis/Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT


(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 7/8/06.

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat Tetap:

101 Felda Keratong 3
26900 Bandar Tun Abdul Razak
Pahang Darul Makmur..

Norhayati Suleiman
Penyarah
Pakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya saya berjaya menjalankan penyelidikan projek tahun akhir saya pada semester 2005/2006.

Terima kasih saya ucapkan kepada penasihat saya iaitu Cik Norhayati binti Suleiman, dan tidak lupa juga kepada penasihat saya yang kedua iaitu Dr Nazlina Shaari serta kepada semua pensyarah yang banyak memberi bimbingan kepada saya. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah dari Universiti Teknologi Mara, iaitu Puan Hasliza yang secara tidak langsung banyak membantu saya dalam penyelidikan projek tahun akhir saya.

Terima kasih juga kepada kedua ibubapa saya yang banyak memberi dorongan dan bimbingan kepada saya sehingga berjaya menjejak kaki ke menara gading seterusnya sehingga tamat pengajian saya di Universiti Malaysia Sarawak. Bergitu juga kepada adik beradik saya serta rakan-rakan sepejuangan yang banyak memberi bantuan ketika saya memerlukannya.

Harapan saya dengan penyelidikan saya ini, ianya dapat dimanfaatkan kepada orang ramai yang sentiasa mencari jalan untuk keselamatan barangan mereka supaya tidak diragut.

Oleh yang demikian, setiap kekurangan yang terdapat dalam penyelidikan, saya memohon maaf dan terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu dalam penyelidikan saya.

Abstrak

Kajian adalah untuk mengelakkan kejadian ragut di kalangan wanita. Hasil daripada penyelidikan menunjukkan poket adalah salah satu cara yang boleh membantu menyembunyikan barang berharga seperti wang dan kad kredit.

Konsep produk yang dihasilkan ialah bertemakan kasual. Penghasilan pakaian ini adalah untuk para wanita yang keluar membeli-belah dan bersantai.

Penghasilan pakaian "*Vest*" yang berkonsepkan kasual ini telah mempraktikkan kaedah lama yang menggunakan poket untuk pencegahan ragut. Hasil daripada kajian yang telah dibuat mendapati penggunaan beg yang menjadi kebiasaan wanita ketika keluar banyak mengundang bahaya dalam jenayah ragut.

Abstract

This research is done to prevent snatching cases among the women community. The finding shows that pocket help to hide valuable things such as cash and credit card.

This product is designed and produced based on casual concept. This product is designed, mainly for ladies who are going out for shopping and leisure.

The older day's method of using pocket for preventing snatching cases is applied in producing this vest design. The finding of this research shows that, the women's habit of using handbag actually causes the snatching case.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi kandungan	iii-iv
1. BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Penyataan masalah	4
1.2 Objektif	5
1.3 Hipotesis	5
1.4 Skop kajian	5-6
2. BAB 2 METHDOLOGI PENYELIDIKAN	
2.0 Pengenalan	7
2.1 Kaedah kajian	7
2.2 Populasi pensampelan	8
2.4 Instrumen kajian	8-9
3. BAB 3 HASIL DAPATAN KAJIAN	
3.0 Pengenalan	10
3.1 Analisa data	11-22
3.2 Kesimpulan	23

4. BAB 4 PRODUK AKHIR

4.0 Pengenalan	24
4.1 Cadangan reka bentuk	24
4.2 Konsep reka bentuk	24
4.2.1 Cadangan rekaan 1	25
4.2.2 Lakaran rekaan 1	26
4.2.3 Cadangan rekaan 2	27
4.2.4 Lakaran rekaan 2	28
4.2.5 Cadangan rekaan 3	29
4.2.6 Lakaran rekaan 3	30
4.3 Kesimpulan	31

LAMPIRAN

Borang kaji selidik

Rujukan

BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Keselamatan kita pada hari ini semakin merusnngkan kerana dengan adanya ancaman penjenayah seperti perogol, kaki buli, samseng, pembunuh dan sebagainya. Bayangan penjenayah menyebabkan seseorang individu takut untuk berada di luar rumah. Apa yang menyedihkan kita pada hari ini, adalah nilai moral masyarakat kita yang semakin merosot sehinggakan peragut sanggup melakukan jenayah dikhalayak ramai.

Kini, kita dikejutkan dengan peragut yang sanggup melakukan pembunuhan kerana ingin mendapatkan barangan yang berharga yang diperlukan. Tanggungjawab kita sebagai warganegara, perlulah memandang masalah ini dengan serius agar tidak berterusan tanpa dibendung.

Menurut laporan statistik yang di keluarkan oleh Ibu Pejabat Kontijen Polis, Jalan Badruddin, daerah Kuching telah mencatatkan jumlah kes laporan yang paling tertinggi diantara 27 daerah di Sarawak. Jenayah ragut ini merangkumi ragut yang menggunakan motosikal, ragut jalan kaki dan ragut yang menggunakan kereta. Laporan statistik juga menunjukkan umur 18 tahun ke atas adalah mangsa ragut yang paling tinggi. Manakala pecahan masa dan hari menunjukkan hari sabtu dan ahad, di antara 12.00 tengahari sehingga 6.00 petang adalah catatan yang tertinggi dalam kes jenayah ragut yang dilaporkan.

Contohnya petikan akhbar Berita Harian pada 20 September 2005 muka surat 8, telah menyedarkan kita bahawa faktor usia adalah salah satu aspek sasaran peragut. Seorang warga emas berusia 73 tahun meninggal dunia di rumahnya beberapa jam selepas diragut, seorang perompak. Mangsa dipercayai terjatuh dan sempat menjerit

perkataan 'ragut' sebelum beberapa orang melalui kawasan itu memberi pertolongan. Mangsa disahkan meninggal dunia akibat diserang sakit jantung dan telah mengklasifikasikan kes tersebut sebagai kes bunuh. Berita tentang kes ini telah menyedarkan kita tentang betapa kejamnya peragut melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang tanpa mengira perasaan sempati pada warga tua.

Lantaran kes ini, pihak polis telah menawarkan ganjaran dan surat penghargaan kepada orang ramai yang berjaya membentaras peragut. Selain daripada itu melalui petikan akhbar Utusan Malaysia, 28 Jun 2004 muka 3, pihak polis telah menawarkan insetif kepada mat motor yang aktif bagi membantu polis mencegah jenayah di ibu kota khususnya dalam menagani kes ragut. Melalui kad khas ini, pemeriksaan sekatan jalan raya yang dilalui akan dipermudahkan terhadap pemegang kad, dengan syarat mereka yang ada kad khas ini tidak melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang. Selain daripada itu bantuan orang ramai mencatatkan nombor kenderaan dan mengesahkan muka suspek adalah diperlukan oleh pihak polis.

Kerajaan juga turut mencadangkan hukuman dan kematian kepada mangsa ragut khususnya yang melibatkan kecederaan dan kematian kepada mangsa. Menurut Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Noh Omar, kerajaan mencadangkan hukuman sebat ke atas peragut. Selain itu, pesalah yang menyebabkan mangsa meninggal dunia boleh didakwa mengikut seksyen 302 kanun keseksaan yang membawa hukuman mati mendatori, iaitu petikan daripada akhbar Utusan Malaysia pada 15 Jun 2004, muka surat 8. Manakala menurut Inspektor Hasnizam Husin, iaitu Ketua Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Kontinjen Polis, Jalan Badruddin, telah berkata, peragut yang menyebabkan mangsa cedera boleh didakwa mengikut seksyen 379-382 kanun keseksaan.

Bagi mengurangkan kadar jenayah ragut, usaha pihak polis sahaja tidak mencukupi, sebaliknya kesedaran individu itu sendiri adalah penting dalam menangani apa sahaja masalah. Pihak polis sendiri telah menyarankan tips-tips keselamatan diri, dalam apa jua situasi bagi meningkatkan masyarakat supaya sentiasa berwaspada. Keadaan ini menjelaskan, betapa pentingnya kesedaran diri dalam mengutamakan keselamatan.

Kesimpulannya semua pihak memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah jenayah ragut daripada terus berleluasa. Malaysia sebagai sebuah negara yang sudah merdeka, haruslah menangani jenayah ragut supaya ianya tidak terus membelenggu masyarakat dan seterusnya menjaga reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan damai. Sehubungan dengan itu kerajaan, pihak polis, media massa dan masyarakat khususnya kaum wanita haruslah memainkan peranan bagi mengurangkan jenayah ragut yang semakin berleluasa.

1.1 Penyataan masalah

Penyelidik mendapati aspek keselamatan dari segi cara pembawaan beg tangan mempunyai risiko besar dalam jenayah ragut (Rujuk rajah 1.1.1). Pelbagai barangan yang boleh didapati dalam beg tangan wanita yang berharga seperti wang ringgit, telefon bimbit, kunci dan kad kredit. Berikutan dengan itu, barangan yang terdapat dalam beg tangan dan cara pembawaan beg tangan telah mengundang bahaya pada diri wanita sendiri.

Jika diimbaz kembali pada zaman masyarakat dahulu, poket memainkan peranan penting dalam menyimpan duit dan ianya terbukti berkesan. Walaupun beg dapat mengisi kuantiti barangan yang lebih banyak, namun dari aspek keselamatan, beg mempunyai risiko besar dalam jenayah ragut.

Oleh yang demikian, penyelidik telah mempraktikkan keberkesanan cara masyarakat zaman dahulu dalam penghasilan pakaian yang bercirikan pencegahan ragut.



Rajah 1.1.1: Cara pembawaan beg tangan yang mengundang jenayah ragut

1.2 Objektif

Terdapat 3 objektif kajian iaitu:

- (i) Mengelakkan barangan berharga daripada diragut.
- (ii) Sebagai satu alternatif untuk mengelakkan cara pembawaan berharga di dalam beg yang boleh mengundang peragut.
- (iii) Mempraktikan cara masyarakat zaman dahulu, dari segi penyimpanan wang.

1.3 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian ini ialah golongan wanita yang membawa beg mempunyai risiko besar dalam peningkatan jenayah ragut. Keberkesanan cara penyimpanan wang ringgit masyarakat dahulu iaitu menyelit wang di colid dapat dikembalikan semula bagi penghasilan pakaian yang mempunyai ciri pencegahan jenayah ragut. Penggunaan poket untuk menyimpan barang, dapat melindungi seseorang daripada menjadi mangsa ragut seterusnya mengurangkan kadar jenayah ragut yang semakin berleluasa.

1.4 Skop kajian

Skop kajian lebih bertumpu di kawasan orang awam. Diantara lokasi yang menjadi kajian penyelidikan ialah:

- (i) Kawasan kampus Universiti Teknologi Mara – iaitu mengkaji bagaimana pelajar menitikberatkan keselamatan.

- (ii) Persekitaran kawasan Bandaraya Kuching – membuat tinjauan sosial dalam pengumpulan data, pandangan, sikap, dan langkah yang diambil dalam mencegah daripada menjadi mangsa ragut.
- (iii) Pihak polis – mendapatkan maklumat dan statistik jenayah ragut.

BAB 2: METHDOLOGI KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang populasi, pensempalan, instrumen, serta kebolehpercayaan soal selidik yang diberikan kepada responden untuk dijawab.

2.1 Kaedah kajian

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini iaitu kaedah primer dan kaedah sekunder.

Bagi kaedah primer terbahagi kepada 3 iaitu temuramah, pemerhatian sendiri dan soal selidik. Kaedah temuramah telah dijalankan dengan menemubual pihak berkuasa, manakala soal selidik digunakan untuk mendapatkan data masyarakat sekeliling dan pemerhatian sendiri adalah untuk mengkaji tabiat orang awam.

Bagi kaedah temuramah telah dijalankan pada 8 September 2005, di Ibu Pejabat Kontinjen Polis, Jalan Badruddin, Kuching dan pada 2 Ogos 2005 di Balai polis, kota Samarahan.

Teknik yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik. Kaedah soal selidik ini dilakukan dalam tempoh masa lebih kurang 3 minggu iaitu pertengahan bulan September dan Oktober disekitar Kota Samarahan, Desa Ilmu, Bandaraya Kuching dan Universiti Teknologi Mara.

Selain daripada itu kaedah pemerhatian sendiri juga digunakan untuk mengkaji tabiat orang awam dari segi cara pemakaian dan cara pembawaan beg terutamanya ketika membeli belah dan bersantai.

2.2 Populasi dan pensampelan

Populasi yang dipilih adalah secara rawak yang terdiri daripada 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan serta mempunyai latar belakang yang pelbagai seperti jantina, status, umur dan pekerjaan.

2.3 Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian ini adalah satu set soal selidik yang di buat oleh penyelidik untuk mendapatkan data primer. Borang kaji selidik ini diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan. Responden dikehendaki menjawab kesemua soalan yang dikemukakan.

Soal selidik ini memerlukan responden menanda jawapan yang bersesuaian. Soal selidik ini juga mengandungi 4 bahagian yang perlu dijawab oleh responden. Bahagian A adalah berkenaan dengan data demografik, iaitu jantina, umur, pekerjaan dan status. Manakala bahagian B berkenaan dengan data umum. Jawapan berbentuk ya atau tidak. Bahagian C dan d adalah beberapa *Likert Scale*. (Rujuk jadual 2.4.1 dan 2.4.2)

Jadual 2.4.1: *Likert Scale* untuk bahagian c

1	2	3	4	5
Sangat tidak suka	Tidak suka	Tidak pasti	Suka	Sangat suka

Jadual 2.4.2: *Likert Scale* untuk bahagian d

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju

Kesemua soalan hendaklah dijawab oleh responden, kemudian pengkaji menganalisis dengan menggunakan Microsoft Office Excel. Hasil daripada data yang diperolehi digunakan dalam rekaan yang dihasilkan.


BAB 3: HASIL DAPATAN KAJIAN

3.0: Pengenalan

Latar belakang responden

Sebanyak 100 keping borang kaji selidik yang diedarkan secara rawak kepada responden yang berada di sekitar kawasan penduduk Desa Ilmu, Kuching dan pelajar Universiti Teknologi Mara. Responden yang menjawab borang kaji selidik ini adalah dari kategori perempuan dan kategori lelaki. Lingkungan bagi responden adalah dari lingkungan 15 sehingga 60 tahun. Manakala status bagi responden adalah terdiri daripada bujang dan berkhawin.


3.1 Analisa data



Rajah 3.2.1: Peratusan responden mengikut kategori jantina.

Sebanyak 100 keping soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada responden yang berada di sekitar Kota Samarahan, Kuching, Desa Ilmu, dan Universiti Teknologi Mara. Bilangan bagi kedua – dua responden adalah sama iaitu 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan. Ini kerana, kadar jenayah ragut tidak hanya berlaku kepada kaum perempuan sahaja, sebaliknya kaum lelaki juga turut menjadi mangsa ragut dan penyeluk saku (rujuk rajah 3.2.1).


Kesimpulannya kaum lelaki dan perempuan dipilih untuk mengisi borang tersebut, untuk mengetahui sejauh manakah langkah keselamatan yang diambil bagi mencegah jenayah ragut.



Rajah 3.2.2: Peratusan responden mengikut kategori status.

Bilangan responden yang berstatuskan bujang lebih ramai daripada berkahwin dan lain-lain iaitu sebanyak 57 peratus. Bilangan peratusan bujang lebih ramai kerana kawasan kajian lebih bertumpu kepada masyarakat awam. Manakala peratusan responden yang berkahwin pula ialah sebanyak 43 peratus. Ini kerana responden yang berkahwin, mempunyai tanggungjawab kepada keluarga. Bagi responden lain-lain pula tidak mencatatkan sebarang peratusan bagi borang kaji selidik (Rujuk rajah 3.2.2).


Secara keseluruhannya, penyelidik memilih status berkahwin dan bujang untuk menjawab borang kaji selidik.



Rajah 3.2.3: Peratusan responden mengikut kategori umur.

Terdapat 6 kategori peringkat umur yang dipilih untuk menjawab borang kaji selidik. Bagi peringkat umur diantara 15-20 telah mencatat jumlah sebanyak 17 peratus. Manakala peringkat umur diantara 21-30 telah mencatat jumlah yang terbesar iaitu sebanyak 42 peratus. Peratusan kategori umur ini, tinggi kerana kebanyakan responden adalah dari golongan yang bekerja. Manakala jumlah kedua tertinggi adalah diantara 31-40 yang mencatat jumlah sebanyak 20 peratus. Manakala kategori umur 41-50 mencatat jumlah sebanyak 16 peratus. Peratusan kategori umur di antara 51-60 ialah sebanyak 5 peratus. Responden bagi kategori umur 61 ke atas tidak mencatatkan jumlah peratusan bagi responden yang menjawab (rujuk rajah 3.2.3).

Kesimpulannya kategori peringkat umur, mempengaruhi setiap jawapan responden dalam borang kaji selidik.




Rajah 3.2.4: Peratusan responden mengikut kategori pekerjaan.

Peratusan bagi pekerjaan terbahagi kepada 6 kategori iaitu pelajar, suri rumah, sektor swasta, sektor kerajaan, bekerja sendiri dan tidak bekerja. Setiap kategori pekerjaan menunjukkan jumlah peratusan yang berbeza di antara satu sama lain (rujuk rajah 3.2.4).

Bagi kategori pelajar mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 22 peratus. Kategori pelajar meliputi pelajar dari Universiti Teknologi Mara. Manakala bagi kategori suri rumah dan sektor swasta, masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 12 peratus. Sektor kerajaan merupakan jumlah peratusan yang tertinggi bagi keseluruhan pekerjaan iaitu 37 peratus. Sebanyak 13 peratus bagi bilangan kategori bekerja sendiri. Manakala jumlah tidak bekerja, merupakan jumlah yang rendah bagi kategori pekerjaan iaitu sebanyak 4 peratus.

Kesimpulannya kategori pekerjaan merupakan salah satu kategori yang menjawab borang kaji selidik untuk kajian kesesuaian pakaian bagi pencegahan ragut.




Rajah 3.2.5: Peratusan responden yang menyimpan barangan utama dalam beg.

Jenis barangan utama yang disimpan dalam beg ialah telefon bimbit, buku bank dan dompet. Ketiga-tiga barangan menunjukkan perbezaan yang jelas mengikut nilai 1 sehingga 5 (rujuk rajah 3.2.5).

Mengikut peratusan nilai 4 dan 5 responden lebih suka menyimpan dompet dalam beg dengan catatan jumlah 55 orang responden. Ini membuktikan bahawa dompet adalah barangan yang terpenting bagi responden untuk ke mana-mana sahaja.

Telefon bimbit merupakan barangan kedua yang utama disimpan dalam beg dengan jumlah catatan seramai 52 orang responden mengikut nilai 4 dan 5.

Buku bank adalah jumlah yang terendah bagi jenis barangan utama yang disimpan dalam beg. Jumlah responden yang menyimpan buku bank dalam beg ialah seramai 15 orang mengikut nilai 4 dan 5. Ini berkemungkinan buku bank hanya di bawa dalam masa yang tertentu oleh responden.



Rajah 3.2.6: Peratusan responden yang menyimpan barangan sampingan dalam beg.

Terdapat 4 jenis barangan sampingan yang di simpan di dalam beg iaitu “*make up*”, alat tulis, barang kemas, tisu dan sapu tangan.

Alat tulis, tisu dan sapu tangan merupakan jumlah yang tertinggi bagi barangan sampingan yang disimpan oleh responden dalam beg dengan catatan nilai 4 dan 5 sebanyak 59. Ini berkemungkinan barangan ini digunakan oleh kedua-dua golongan, samada lelaki atau perempuan.

Manakala barangan “*make up*” dan barangan kemas menunjukkan catatan yang terendah bagi keseluruhan barangan yang disimpan dalam beg mengikut nilai 4 dan 5 dengan jumlah 32 dan 7 orang responden. Catatan yang terendah ini menunjukkan barangan “*make up*” dan barangan kemas jarang dibawa oleh responden dan barangan ini hanya dibawa oleh sesetengah golongan wanita sahaja (rujuk rajah 3.2.6).